

Jangan masuk perangkap Umno, kata Guan Eng kepada PAS
Malaysian Insider
April 29, 2014
OLEH JENNIFER GOMEZ

DAP memberi amaran kepada rakan sekutunya PAS agar jangan jatuh ke dalam perangkap Umno berhubung isu pelaksanaan hudud di Kelantan.

Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng sebaliknya berkata PAS perlu berfikir panjang kesannya jika mempercayai Umno selepas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom bersetuju untuk membantu PAS membenteng hudud di Parlimen.

Katanya, tindakan PAS itu seolah-olah cuba mengkhianati sokongan undi bukan Melayu terhadap kemenangan parti itu semasa Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) 5 Mei lalu.

"PAS hanya menambah jurang risiko perpecahan dalam Pakatan Rakyat yang selama ini diidamkan Umno," katanya dalam kenyataan hari ini.

Tegasnya, PAS mungkin akan kehilangan Kelantan sama seperti mereka kehilangan Terengganu semasa PRU 2004 selepas meluluskan undang-undang hudud pada tahun 2003.

Malah tidak mustahil semua kerusi yang dimenangi PAS melalui sokongan bukan Melayu di luar Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah.

Ketua Menteri Pulau Pinang itu juga mengulangi pendiriannya bahawa DAP sama sekali tidak akan berganjak dengan keputusan untuk menentang hudud di Kelantan dan Terengganu.

"Ia bertentangan dengan Perlembagaan dan semangat kemerdekaan 1957 dalam konteks perpaduan antara kaum, kepelbagaian agama dan masyarakat pelbagai budaya," katanya.

Lim turut membidas Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang berpandangan Pakatan Rakyat dan DAP bersetuju hudud dilaksanakan pada tahun 2011.

Katanya, Hadi tersilap dan menggesa supaya meneliti kenyataan Pakatan Rakyat yang menyatakan secara jelas mengenai perbezaan pandangan DAP dengan PAS dan membantah hudud.

"DAP akan terus bekerja dengan pemimpin PAS dan menekankan kita tidak pernah bersetuju dengan undang-undang hudud di Kelantan dan Terengganu sebelum atau selepas terbentuknya Pakatan Rakyat pada tahun 2008," tegasnya.

Cubaan beberapa ahli Parlimen PAS membentangkan undang-undang persendirian di Dewan Rakyat dengan harapan hudud dapat dilaksanakan di Kelantan menimbulkan semula ketegangan antara PKR dan DAP.

Gabungan tiga parti itu menafikan kemenangan Barisan Nasional (BN) di dua negeri iaitu Selangor dan Kelantan semasa PRU13.

Ramai yang menjangkakan ahli Parlimen Umno akan menyokong rang undang-undang hudud yang akan dibentangkan PAS selepas Jamil Khir dan Pengerusi Umno Kelantan Tan Sri Annuar Musa menyatakan sokongan terbuka.

Umno mempunyai 88 ahli Parlimen manakala PAS ada 22, namun dilihat masih kekurangan 39 ahli untuk dijadikan undi majoriti dua pertiga sebelum diluluskan Parlimen. – 29 April, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jangan-masuk-perangkap-umno-ka-ta-lim-guang-eng-kepada-pas>